

Operasi mencabar menyelamatkan 180 ikan paus terdampar

Sinar Harian 23/9/2020 m/s 32

SYDNEY - Pasukan penyelamat bergelut untuk menyelamatkan kira-kira 180 ikan paus yang terkandas di pelabuhan terpencil Australia semalam selepas 90 daripada kumpulan haiwan mamalia tersebut dilaporkan mati.

Kira-kira 60 individu termasuk 40 saintis dan nelayan tempatan terlibat dalam operasi menyelamatkan di perairan cetek di Macquarie Harbour di Pulau Tasmania tersebut.

Ahli biologi marin, Krin Carylton berkata, satu pertiga daripada 270 ikan paus tersebut disahkan mati menjelang tengah malam tadi.

“Operasi menyelamatkan ini adalah satu tugas yang mencabar dan dijangka mengambil masa selama beberapa hari memandangkan keadaan cuaca yang agak buruk dan gelombang luar biasa di pelabuhan.”

“Kami berjaya melepaskan semula sebahagian kecil daripada jumlah ikan paus tersebut ke laut,” katanya.

Sementara itu, saintis menjelaskan masih tidak jelas punca kejadian itu berlaku. - AFP



Kumpulan penyelamat cuba melepaskan semula salah seekor ikan paus yang diselamatkan ke laut.